

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Segmen Rencana)

Tarikh: 5 Ogos 2015 (Rabu)

Mukasurat: 31

RENCANA 31

Lestarkan bahasa Melayu jamin tak pupus

BH (Rencana)
- Rabu -
5 Ogos 2015
ms 31

Kenyataan bahawa bahasa Melayu akan terus perkasa sebagai bahasa negara, sekali pun bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan negara, memperlihatkan betapa ceteknya pemahaman sesetengah pihak mengenai sifat bahasa amnya dan bahasa negara khususnya.

Penggunaan adalah aspek terpenting pada mana-mana bahasa tanpa mengira statusnya. Sehubungan ini, ia perlu selalu digunakan untuk melaksanakan beberapa peranan asasnya. Antara yang terpenting ialah menyampaikan buah fikiran, sama ada fakta atau pandangan.

Kalau ia tidak digunakan, bahasa itu boleh dikatakan sudah berhenti daripada melaksanakan peranan asasnya kepada masyarakat yang memilikinya. Apabila bahasa baharu atau lain digunakan untuk melaksanakan peranan asas itu, ia didapati tidak dapat mengungkapkan budaya masyarakat berkenaan dengan baik.

Dengan kata lain, budaya yang asal itu tidak sama lagi apabila diucapkan dalam bahasa lain. Pengetahuan segala macam hal mengenai masyarakat itu hanya wujud dalam bahasa lama. Walaupun boleh diterjemahkan, semua pengetahuan ini tidak sama lagi dengan yang asal. Ia adalah budaya terjemahan yang dapat dilihat apabila ungkapan *middle uncle* digunakan sebagai padanan kepada panggilan pak ngah.

Terus guna bahasa baharu

Walaupun begitu, masyarakat itu perlu meneruskan kehidupan dalam bahasa baharu itu. Banyak kata dan ungkapan baharu akhirnya menggantikan yang lama. Apabila ini berlaku, amalan berbahasa lama tidak dapat wujud lagi kerana makna sebenarnya tidak dapat dirasai dan difahami lagi.

Sebagai contoh, penggunaan nama sendiri sebagai kata ganti diri orang pertama untuk tujuan kesantunan dalam bahasa Melayu, tidak akan terasa lagi apabila ia dilakukan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, ungkapan *Ani (I) go to bed early* sebagai terjemahan 'Ani (Saya) tidur awal', bukan sahaja pelik tetapi tidak sesuai dalam konteks bahasa Inggeris.

Semua ini sebenarnya menunjukkan bahawa dalam bahasa Melayu ada pengetahuan tradisional masyarakat Melayu. Ia adalah pengetahuan budaya Melayu yang penting bagi jati diri masyarakat Melayu dan identitinya untuk dikenali. Sebagai bahasa negara, tidak ada cara lain yang lebih afdal untuk memperjuang bahasa Melayu melainkan digunakan sebagai bahasa penghantar utama dalam

sistem pendidikan negara. Ini kerana pendidikan wahana paling berkesan untuk tujuan ini.

Oleh itu, bahasa Melayu mesti digunakan. Bukan sahaja sebahagian penting daripada kita kerana nilai pengetahuan budayanya bagi menegakkan identiti budaya kita, bahasa Melayu adalah pilihan tepat untuk menyampai dan melestarikan pengetahuan budaya itu.

Bahasa dikaji sepanjang masa

Penggunaannya amat diperlukan untuk beberapa sebab. Pertama, dengan menggunakannya, bahasa Melayu dapat dilestarikan, iaitu ia dijamin tidak akan pupus. Kedua, bahasa Melayu akan terus diajar dan dipelajari pada setiap masa, antaranya ditelaah dan dikaji sepanjang masa.

Ketiga, bahasa Melayu dapat dikembangkan. Dengan ini, ia dapat membangun untuk menjadi lebih besar, selain dapat dibina teguh untuk menampung pelbagai peranan pendidikan. Keempat, ia akan diupayakan, iaitu menjadi berkuasa selain berprestij.

Semua sebab ini akan juga menjadikan bahasa Melayu lebih kaya. Ia bukan sahaja disarati pelbagai bahan yang boleh digunakan pada bila-bila masa, ia juga memiliki bilangan bahan yang agam untuk mengungkapkan sebarang pemikiran, sama yang kreatif mahupun diskriptif.

Sumber bahasa Melayu menjadi bertambah banyak melalui penggunaannya dalam bidang pendidikan. Semua kekayaan ini tidak akan ada pada bahasa Melayu kini kalau ia tidak pernah digunakan sebagai bahasa ilmu, khususnya dalam pengajian tinggi.

Oleh itu, bukan sahaja kita bebal kalau kita tidak mahu lagi menggunakan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan, kita sebenarnya akan mengeluarkan kuasa daripadanya. Dengan tindakan ini, bahasa Melayu akan kehilangan kemampuan, kekuatan dan hak abasanya.

Lebih penting daripada semua ini, pengetahuan tradisional yang menjadi warisan budaya yang terkandung dalam bahasa Melayu, tidak dapat disampaikan kepada anak bangsa dengan baik. Kita sebenarnya melakukan kesilapan besar jika mahu juga menggantikannya dengan bahasa lain.

Kita harus ada integriti dalam hal ini supaya tidak hilang keseimbangan. Oleh itu, jangan sesekali dikaburi mitos bahawa pendidikan berkualiti hanya boleh wujud dalam bahasa Inggeris.

Penulis
ialah Ketua Kluster Sejarah,
Warisan dan Sosiobudaya,
Majlis Profesor Negara



TEO KOK SEONG